



TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR SULEIMAN
MBBS (Mor.), FRACP, M. Med. (S'pore), AM, FACP (Hon.),
FRCPI, FRCSI (Hon.), FRCSE (Hon.), FAMS, FRCP (Glas.),
FRCPE, AMP (Harvard).

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,
Hospital Selayang

Pengarah,
Hospital _____

*Buku garispanduan ini
ada di raka buku.
wx 203 gni*

*Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur*

Y. Bhg. Dato' /Tuan/Puan

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL.1/2001

GARISPANDUAN PROSIDUR-PROSIDUR
DALAM SISTEM "CREDENTIALING" DAN "PRIVILEGING" DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan prosidur-prosidur yang berhubung dengan proses sistem "Credentialing" dan "Privileging" di semua hospital-hospital/Institusi didalam Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Latar Belakang

Perkembangan pesat dalam teknologi bidang Perubatan telah menghasilkan berbagai kaedah rawatan dan prosidur baru dalam bidang perubatan. Menjalankan prosidur atau kaedah tersebut tanpa pengetahuan serta kemahiran boleh membawa kepada akibat-akibat yang tidak diingini keatas pesakit-pesakit.

Pihak hospital adalah bertanggungjawab keatas segala perkhidmatan yang disediakan di hospital berkenaan. Dengan ini, adalah penting bagi pihak hospital mewujudkan satu sistem penentuan, dimana semua pegawai dan personel perubatan yang menjalankan prosidur/kaedah rawatan (terutamanya kaedah rawatan rumit dan yang boleh disalahgunakan) mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menjalani prosidur/kaedah rawatan tersebut. Sistem ini adalah sistem "Credentialing" dan "Privileging". Dikebanyakan organisasi perubatan diseluruh dunia, sistem ini telah muncul sebagai satu aktiviti penting dalam program

"Hospital Risk Management" yang juga merupakan sebahagian program kualiti.

Untuk memudahkan proses ini, satu garis panduan "*GUIDELINES FOR CREDENTIALING AND PRIVILEGING IN THE MINISTRY OF HEALTH*" telah disediakan. Dengan berpandukan garis panduan tersebut, adalah diharapkan semua pegawai dan personel perubatan mengamalkan rawatan perubatan berkualiti di mana hanya pegawai dan personel perubatan terlatih dan mahir menjalankan prosidur dan kaedah rawatan tertentu. Sehubungan dengan itu, pihak hospital perlu menubuhkan "*Hospital Privileging Committee*" sebagai mekanisma untuk menentukan keahlian serta bidang tugas jawatankuasa tersebut seperti tersenarai didalam garis panduan yang dilampirkan bersama.

Sebagai fasa permulaan, sistem ini hanya melibatkan Pakar-Pakar Perubatan yang akan menjalankan prosidur/kaedah rawatan rumit. Garis panduan yang dilampirkan hanya menyenaraikan "*core procedures*" bagi pakar lulusan sarjana perubatan dimana Pakar yang baru lulus dianggap mempunyai kecekapan menjalankan prosidur-prosidur tersebut. Hanya Pakar Perubatan yang akan menjalankan prosidur lebih rumit daripada dalam senarai tersebut harus melalui proses "*Credentialing*" dan "*Privileging*".

Selaras dengan ini juga, program-program "Quality Assurance" harus dilaksanakan sepenuhnya serta dipertingkatkan lagi supaya program tersebut dapat membantu pelaksanaan sistem "credentialing" dan "privileging" terutamanya dalam penilaian Pakar-Pakar sewaktu pembaharuan "clinical privileges".

3. Tindakan

3.1 Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab dalam penubuhan "Hospital Privileging Committee" di semua hospital-hospital serta perlantikan ahli-ahli jawatankuasa didalam negeri berkenaan seperti tersenarai didalam garis panduan.

3.2 Pengarah Hospital

Pengarah Hospital bertanggungjawab dalam penubuhan "Hospital Privileging Committee" di hospital berkenaan dan pelaksanaan proses sistem "Credentialing" dan "Privileging" berpandukan garis panduan yang dilampirkan.

3.3 Pakar Perubatan

Adalah menjadi tanggungjawab Pakar Perubatan yang akan menjalankan kaedah rawatan/prosidur rumit untuk memohon menjalani proses "credentialing" dan "privileging" yang berkenaan sebelum Pakar menjalankan prosidur/kaedah rawatan tersebut.

4. Pertanyaan

Sila ambil perhatian bahawa Garispanduan ini tidak menyeluruh dan sekiranya ada sebarang pertanyaan sila kemukakan pertanyaan kepada :

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

5. Tarikh Kuatkuasa

Perlaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

6. Bersama-sama ini disertakan "GUIDELINES FOR CREDENTIALING AND PRIVILEGING IN THE MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA" untuk rujukan /panduan Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Malaysia



TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR SULEIMAN
MBBS (Mon.), FRACP, M. Med. (S'pore), AM, FACP (Hon.),
FRCPI, FRCSI (Hon.), FRCSE (Hon.), FAMS, FRCP (Glas.),
FRCPE, AMP (Harvard).

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
(DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA)

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah,
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah,
Hospital Selayang

Pengarah,
Hospital _____

Y. Bhg. Dato' /Tuan/Puan

*Buku panduan
ada dalam buku
WX 203*

*Pepustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur*

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL.1/2001

GARISPANDUAN PROSIDUR-PROSIDUR
DALAM SISTEM "CREDENTIALING" DAN "PRIVILEGING" DI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan prosidur-prosidur yang berhubung dengan proses sistem "Credentialing" dan "Privileging" di semua hospital-hospital/Institusi didalam Kementerian Kesihatan Malaysia.

2. Latar Belakang

Perkembangan pesat dalam teknologi bidang Perubatan telah menghasilkan berbagai kaedah rawatan dan prosidur baru dalam bidang perubatan. Menjalankan prosidur atau kaedah tersebut tanpa pengetahuan serta kemahiran boleh membawa kepada akibat-akibat yang tidak diinginkan keatas pesakit-pesakit.

Pihak hospital adalah bertanggungjawab keatas segala perkhidmatan yang disediakan di hospital berkenaan. Dengan ini, adalah penting bagi pihak hospital mewujudkan satu sistem penentuan, dimana semua pegawai dan personel perubatan yang menjalankan prosidur/kaedah rawatan (terutamanya kaedah rawatan rumit dan yang boleh disalahgunakan) mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menjalani prosidur/kaedah rawatan tersebut. Sistem ini adalah sistem "Credentialing" dan "Privileging". Dikebanyakan organisasi perubatan diseluruh dunia, sistem ini telah muncul sebagai satu aktiviti penting dalam program

3.3 Pakar Perubatan

Adalah menjadi tanggungjawab Pakar Perubatan yang akan menjalankan kaedah rawatan/prosidur rumit untuk memohon menjalani proses "credentialing" dan "privileging" yang berkenaan sebelum Pakar menjalankan prosidur/kaedah rawatan tersebut.

4. Pertanyaan

Sila ambil perhatian bahawa Garispanduan ini tidak menyeluruh dan sekiranya ada sebarang pertanyaan sila kemukakan pertanyaan kepada :

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur

5. Tarikh Kuatkuasa

Perlaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.

6. Bersama-sama ini disertakan "GUIDELINES FOR CREDENTIALING AND PRIVILEGING IN THE MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA" untuk rujukan /panduan Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Malaysia

"Hospital Risk Management" yang juga merupakan sebahagian program kualiti.

Untuk memudahkan proses ini, satu garis panduan "*GUIDELINES FOR CREDENTIALING AND PRIVILEGING IN THE MINISTRY OF HEALTH*" telah disediakan. Dengan berpandukan garis panduan tersebut, adalah diharapkan semua pegawai dan personel perubatan mengamalkan rawatan perubatan berkualiti di mana hanya pegawai dan personel perubatan terlatih dan mahir menjalankan prosidur dan kaedah rawatan tertentu. Sehubungan dengan itu, pihak hospital perlu menubuhkan "*Hospital Privileging Committee*" sebagai mekanisma untuk menentukan keahlian serta bidang tugas jawatankuasa tersebut seperti tersenarai didalam garis panduan yang dilampirkan bersama.

Sebagai fasa permulaan, sistem ini hanya melibatkan Pakar-Pakar Perubatan yang akan menjalankan prosidur/kaedah rawatan rumit. Garis panduan yang dilampirkan hanya menyenaraikan "*core procedures*" bagi pakar lulusan sarjana perubatan dimana Pakar yang baru lulus dianggap mempunyai kecekapan menjalankan prosidur-prosidur tersebut. Hanya Pakar Perubatan yang akan menjalankan prosidur lebih rumit daripada dalam senarai tersebut harus melalui proses "*Credentialing*" dan "*Privileging*".

Selaras dengan ini juga, program-program "Quality Assurance" harus dilaksanakan sepenuhnya serta dipertingkatkan lagi supaya program tersebut dapat membantu pelaksanaan sistem "credentialing" dan "privileging" terutamanya dalam penilaian Pakar-Pakar sewaktu pembaharuan "clinical privileges".

3. Tindakan

3.1 Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab dalam penubuhan "Hospital Privileging Committee" di semua hospital-hospital serta perlantikan ahli-ahli jawatankuasa didalam negeri berkenaan seperti tersenarai didalam garis panduan.

3.2 Pengarah Hospital

Pengarah Hospital bertanggungjawab dalam penubuhan "Hospital Privileging Committee" di hospital berkenaan dan pelaksanaan proses sistem "Credentialing" dan "Privileging" berpandukan garis panduan yang dilampirkan.